

BORANG PENYERTAAN

SEMINAR KEBANGSAAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN 2009

Nama Peserta: .....

Alamat: .....

.....

.....

Tel: ..... Faks: .....

E-mel: .....

Sila pilih dan nyatakan

Pembentangan kertas kerja  Peserta ( Institusi/Individu)

Segala pembayaran perlu dibuat dalam bentuk Cek/Bank Draf atau *Local Order* (LO) dan ditulis atas nama: **Bendahari UKM.**

Sila catat **Usahawanpendo9** di belakang cek.

Penyertaan hendaklah dihantar **sebelum 31 Oktober 2009** kepada:

Sekretariat **Usahawanpendo9**  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor D.E., Malaysia

atau e-mel kepada:

[imah@ukm.my](mailto:imah@ukm.my) / [lin@ukm.my](mailto:lin@ukm.my) / [edsah@ukm.my](mailto:edsah@ukm.my)

No. Telefon :

03 - 89216276 / 6291 /6780 atau 012-4185365/ 019-3973221

Untuk keterangan lanjut, sila layari: [www.ukm.my/usahawan](http://www.ukm.my/usahawan)

# SEMINAR KEBANGSAAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN 2009

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Tema

**KEUSAHAWANAN PEMANGKIN  
KECEMERLANGAN NEGARA DAN  
KELESTARIAN HIDUP**

**8 – 9 Disember 2009**  
**Corus Hotel, Kuala Lumpur**

Anjuran  
FAKULTI PENDIDIKAN UKM  
Dengan Kerjasama  
INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA

# SEMINAR KEBANGSAAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN 2009 Universiti Kebangsaan Malaysia

## PENGENALAN

Malaysia kini berada dalam fasa akhir ke arah mencapai wawasan 2020 yang bertujuan untuk menjadi Negara maju. Untuk itu, pembentukan masyarakat Malaysia yang benar-benar maju bukan sahaja perlu berasaskan kedudukan ekonomi yang berdaya tahan dan berdaya saing tetapi juga kepada pengagihan kekayaan yang lebih saksama dengan penyertaan semua kumpulan masyarakat. Salah satu agenda utama Negara dalam menjadikan Negara maju dan pengagihan ekonomi dapat diseimbangkan, pemupukan budaya keusahawanan dilaksanakan. Usaha ini telah dan akan terus dilaksanakan agar matlamat Kerajaan dalam keseimbangan ekonomi antara kaum tercapai. Kestabilan ekonomi antara kaum akan berjaya membawa kepada kelestarian hidup.

Keusahawanan berupaya memberi sumbangan positif kepada individu, masyarakat, Negara dan dunia sejagat. Bidang ini berupaya merubah situasi sesuatu keadaan daripada miskin kepada kaya. Ia juga banyak memberi peluang kerjaya kepada masyarakat. Justeru, persidangan ini akan membincangkan keadaan semasa dan hala tuju pendidikan keusahawanan dan perkara-perkara yang perlu dilaksanakan bagi tujuan kecemerlangan bidang keusahawanan pada masa kini dan pada masa hadapan serta seterusnya berupaya mengarah ke arah kelestarian hidup. Sehubungan itu, hal-hal berkaitan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) juga turut dibincangkan kerana PTV merupakan salah satu saluran penting dalam melahirkan seseorang yang memiliki pengetahuan dan kemahiran.

## OBJEKTIF

Persidangan ini bertujuan untuk:

1. Berkongsi maklumat dan pengetahuan tentang status, halatuju dan pencapaian program pendidikan dan latihan keusahawanan serta PTV.
2. Meneroka peluang-peluang perniagaan dalam pelbagai bidang yang berpotensi.
3. Membangunkan ciri-ciri intraprenur dalam organisasi.
4. Membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam bidang keusahawanan terutama golongan minoriti.
5. Membincangkan peranan dan sumbangan pelbagai disiplin dalam pembangunan keusahawanan dan PTV.
6. Mencadangkan polisi serta pelaksanaan perkara-perkara berkaitan dengan kecemerlangan dalam pendidikan keusahawanan dan PTV ke arah kelestarian hidup.

## SUBTEMA

Kertas kerja yang dibentangkan merangkumi sub tema berikut:

1. Pendidikan Keusahawanan dan PTV
2. Belia dan Keusahawanan
3. Cabaran-cabaran Keusahawanan
4. Islam dan Keusahawanan
5. ICT dalam Keusahawanan
6. Bahasa dan Keusahawanan
7. Keusahawanan dalam Industri Sukan
8. Wanita dan Keusahawanan
9. Peluang-peluang perniagaan dalam pelbagai industri
10. Inovasi dan Kreativiti dalam Keusahawanan
11. Pembangunan IKS dan pengantarabangsaan
12. Sumber-sumber pembiayaan dalam perniagaan

## Peserta Persidangan

Persidangan ini terbuka kepada para usahawan, pegawai bank, pengurus dana, pengurus dan pegawai latihan, pensyarah, pentadbir, penyelidik, pendidik, pelajar siswazah dan individu-individu yang berminat.

## Yuran Penyertaan

Yuran peserta/pembentang: **RM 450**

Yuran peserta (pelajar): **RM 250**

Peserta Berkumpulan (minimum 3 orang) : **RM400** seorang

*\*Yuran penyertaan termasuk bahan-bahan persidangan, makan tengah hari dan kudapan sahaja.*

## Tarikh Penting

### TINDAKAN

Tarikh Pengumuman Persidangan

Tarikh akhir penghantaran abstrak

Penyemakan dan penerimaan abstrak

Tarikh akhir penghantaran kertas kerja lengkap

Tarikh seminar

### TARIKH

Julai 2009

31 Ogos 2009

15 September 2009

15 Oktober 2009

8-9 Disember 2009